



بُولِتِنِ إِسْلَامِيٌّ مُسْتَقِرٌ كَاهِيْنِ إِسْلَامِيٌّ مُسْتَقِرٌ

BULETIN IKMAS JAKIM

BIL 3 / 2020

سبتمبر - ديسمبر، محرم - جمادي الأول ١٤٤٢ هجرة



SELAMAT DATANG

INSTITUT KEMAHIRAN ISLAM MALAYSIA SARAWAK
INTAN SARAWAK, JALAN 1A/1, KOTA KINABALU, SARAWAK



Webinar Pendidikan Tinggi
Islam Sarawak



Lawatan Penanda
Aras EKSA IKMAS ke
INTAN Sarawak



Kursus Sijil
Profesionalisme
Imam Negeri Sarawak



Sambutan
Maulidur Rasul
Peringkat IKMAS



<https://myikmas.islam.gov.my>



myikmas

ISI KANDUNGAN

SIDANG REDAKSI

PENASIHAT

Dr Muhammad Yamin bin Ismail

KETUA EDITOR

Karia bin Haji Rahmat

SIDANG REDAKSI

Kartini binti Haji Ahmad

Ainuddin bin Haji Dolhakim

Abang Zainal Abidin bin Abang Ariffin

Dr Roziah binti Haji Chek

Mohd Chathazman bin Abdullah

Muhammad Fadhlil bin Ahmat

PENYELARAS

Shuhail bin Supandi

Nurul Sabariah binti Saini

Muhammad Faizul bin Kanaini

JURUFOTO

Mohd Safwan bin Ismail

Irwandy bin Sarkawi

PENGHARGAAN ISTIMEWA

Pejabat Pengarah

Pejabat Pendaftar

Jabatan Akademik

Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni

Jabatan Jaminan Kualiti

Jabatan Kemahiran dan Latihan Daie

Jabatan Pembangunan Insan

Jabatan Penerbitan

SEBARANG KOMEN ATAU CADANGAN

PENAMBAHBAIKAN SILA HUBUNGKU:

Institut Kemahiran Islam Malaysia

Sarawak

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

Peti Surat 2867, Jalan Matang, Telaga Air

93050 Kuching

SARAWAK

(u/p: Jabatan Penerbitan)

Tel: 082-843477, 475

Faks: 082-843440, 439

Email: penerbitanikmas@gmail.com

Isi Kandungan	2
Sidang Redaksi	2
Kalam Ketua Editor	2
Tokoh Alumni Ikmas	3
Wacana Pendidikan Tinggi Islam Sarawak	4
Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Ikmas	5
Kursus Tahsin dan Qiraat	5
Kursus Pengurusan Dakwah	6
Kursus Sijil Profesionalisme Imam Negeri Sarawak Siri 2	6
Hari Keusahawanan Ikmas	7
Jabatan Penerbitan Cungkil Bakat Pelajar	7
Kursus Dakwah Media Sosial	8
Kursus Pengurusan Masjid (Kemahiran Asas Imam dan Bilal)	8
Lawatan Penanda Aras Eksa Ikmas ke INTAN Sarawak	9
Kunjungan Hormat YaPeim ke Ikmas	9
Lawatan ke Taman Kekal Pengeluaran Makanan Rampangi	9
Jom Sihat@SUKMAS	10
Kembara Ikmas	11
Lensa	12-13
Artikel Staf	14-15
Jom Masuk Ikmas @ Syarat Kemasukan Ke Ikmas	16

Kalam Ketua Editor

Assalamualaikum w.b.t

Bacalah (wahai Muhammad) dengan menyebut nama Tuhanmu yang menciptakan (sekalian makhluk) (Surah Al-Alaq). Islam meletakkan membaca sebagai asas utama dalam pendidikan. Oleh itu, tugas dan peranan pendidik haruslah membangunkan modal insan dengan mengupayakan mereka dengan minda yang berilmu. Justeru, isu dan cabaran utama pendidikan ialah membangunkan intelek manusia berpaksikan tawhid serta membina adab manusiawi berakhlaq mulia. Di sinilah, peranan dan tugas utama para pendidik iaitu membangunkan modal insan Rabbani. Sebab itulah, Rasulullah SAW menegaskan bahawa: "Sesiapa hendakkan dunia perlulah dengan ilmu dan sesiapa hendakkan akhirat pun dengan ilmu. Sesiapa hendakkan kedua-duanya perlu dengan ilmu". Menuntut ilmu itu menjadi suatu kefardhuun ke atas setiap muslim sebagaimana hadith Rasulullah iaitu menuntut ilmu itu wajib ke atas lelaki dan perempuan. Malahan, proses menuntut ilmu itu berterusan sepanjang hayat (*live long learning*) sesuai dengan kata motivasi "menuntut ilmu dari buaian hingga ke liang lahad".

Rasulullah SAW sebagai qud wah hasanah perlulah dijadikan role model di dalam kehidupan sehari-hari. Berpaksikan dengan Attitude (benar, amanah), Skills (fathanah), dan Knowledge (tabligh), para pelajar Ikmas perlulah menghayati sifat-sifat tersebut dan menjalani urusan kehidupan dengan mencontohi akhlak Rasulullah SAW. Sifat benar, amanah, fathanah dan tabligh merupakan sifat wajib yang ada pada diri Baginda Nabi Muhammad SAW dan ianya sifat mahmudah serta menjadi nilai utama kepada pembentukan ummah Rabbani. Ummah Rabbani pula merupakan tonggak kepada kesejahteraan sesebuah negara. Oleh yang demikian, para pelajar Ikmas perlulah melengkapkan diri dengan sifat-sifat mahmudah tersebut serta menguasai pelbagai kemahiran di era digital agar mampu untuk menjadi para dua't serta huffaz yang akan menyumbang bakti ke arah pembangunan ummah cemerlang.

Tahniah dan syabas kepada warga Ikmas, sekalipun masih dalam suasana Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB), namun aktiviti serta program yang dirancang dapat dimaksimakan pelaksanaannya. Antara aktiviti yang telah berjaya dilaksanakan ialah Wacana Pendidikan Tinggi Islam Sarawak, Sambutan Maulidur Rasul, Kursus Tahsin dan Qiraat, Kursus Pengurusan Dakwah, Kursus Sijil Profesionalisme Imam Negeri Sarawak, Hari Keusahawanan, Kursus Dakwah Media Sosial, Kursus Pengurusan Masjid, Lawatan Penanda Aras EKSA ke INTAN Sarawak, Kunjung Hormat YaPeim, Kunjung Hormat ke Jabatan Pertanian Negeri Sarawak, Sukan Ikmas, Kembara Ikmas dan banyak lagi program yang telah dijalankan.

Akhir kata, sekalung penghargaan kepada Pengarah Ikmas, sidang editor, penyelaras, jurugambar serta para penyumbang artikel yang sentiasa berlitizam serta komitmen sehingga buletin ini dapat diterbitkan. Ikmas sumber inspirasiku akan terus melangkah memugar harapan ummah, menjadi teknologi dan serta huffaz berkualiti untuk berbakti demi negara, nusa dan pertiwi.



Santapan Rohani

Daripada Shafwan bin Assal Al-Muradi berkata, sesungguhnya aku mendengar Rasulullah SAW bersabda: "Tidaklah seseorang yang keluar dari rumahnya untuk menuntut ilmu kecuali para malaikat akan mengembangkan sayap-sayapnya untuk orang tersebut kerana redha dengan apa yang ia kerjakan."

(Sunan Ibnu Majah No: 222)

Status: Hasan Sahih

Salam maju jaya, Ikmas boleh!

TOKOH PERMATA ALUMNI IKMAS

HAJI MOHAMMAD FAUZI
BIN HAJI HAIRANI



Sesi temuramah bersama
Haji Mohammad Fauzi bin Haji Hairani bertempat di
Jabatan Mufti Negeri Sarawak



HARAPAN DAN IMPIAN BUAT Ilmas

Promosi Ikmas sekarang berbanding dahulu perlu diperhebatkan dan digerakkan semaksimanya ke seluruh bumi Sarawak. Setiap yang belajar di Ikmas, mereka akan keluar untuk menyumbang khidmat terhadap masyarakat. Graduan yang dilahirkan adalah yang berkualiti, dan bukan hanya terletak pada kuantiti semata-mata. Ikmas dipandang tinggi selaku PPT agama di Sarawak.

Kini, Ikmas harus mengorak langkah dalam mempertingkatkan lagi kemahiran dan kebolehan seseorang pelajar seiring dengan peredaran zaman. Mungkin sudah tiba masanya Ikmas diangkat sebagai universiti dengan kemudahan infrastruktur yang cukup serta dukungan dari kerajaan negeri mahupun persekutuan.

Buat pelajar yang sedang menuntut ilmu, sentiasa fokus dan ambil peluang belajar dengan sebaik mungkin sebelum terjun ke dalam masyarakat dengan persediaan yang sempurna. Bagi warga kerja Ikmas, kita bekerja kerana Allah SWT dan teruskan kecemerlangan dengan melaksanakan tanggungjawab sebaik yang mungkin. Lihat pada setiap peranan anda dan jangan mengharapkan ganjaran semata-mata. Akhir kata, berbanggalah anda sebagai lepasan Ikmas!

LATAR BELAKANG

Anak jati kelahiran Kuching, Sarawak dan lahir pada 1 Mac 1982. Telah mendirikan rumah tangga dan mempunyai seorang cahaya mata perempuan. Beliau merupakan generasi pertama graduan Ikmas pada tahun 2000/2003.

LATAR BELAKANG PENDIDIKAN

- Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam (Dakwah & Kepimpinan), UKM
- Diploma Pengajian Islam & Dakwah, Ikmas
- SMKA Sheikh Haji Othman Abdul Wahab (SHOAW), Kuching
- SRK Tan Sri Datuk Haji Mohamed, Taman Malihah, Kuching
- SRK Merpati Jepang, Kuching
- International Leadership Engagement Course, London UK (2018)
- Sijil Pengkursus Ibadat Haji (SPIH), USIM & UKM (2018)
- Sijil Asas Mediator, Majlis Islam Sarawak (2018)
- Sijil Tinggi Falak Syarie, JAKIM (2016)

KERJAYA

- Pegawai Hal Ehwal Islam (Bahagian Falak), Jabatan Mufti Negeri Sarawak (2017-kini)
- Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam (Bahagian Falak), Jabatan Mufti Negeri Sarawak (2011)
- Penolong Imam Besar, Masjid Jamek Negeri Sarawak (2009)
- Penolong Imam Bahagian, PAIB Mukah (2004-2009)
- Penolong Imam Bahagian, Majlis Islam Sarawak (2004)
- Setiausaha Kursus Biro Tatanegara, Jabatan Perdana Menteri (2003)

ANUGERAH DAN PENCAPAIAN

- Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2018 (Jabatan Mufti Negeri Sarawak)
- Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2010 (Majlis Islam Sarawak)
- Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2008 (Majlis Islam Sarawak)

PENGLIBATAN KEMASYARAKATAN

- Fasilitator, Biro Tatanegara, Jabatan Perdana Menteri
- Pengkursus Ibadat Haji Tanah Air (PEKTA) Tabung Haji Negeri Sarawak
- Penceramah Kursus Asas Haji & Umrah FELDA
- Penceramah Kursus Asas Haji & Umrah Tabung Haji Trade and Travel Sdn Bhd
- Guru Takmir, Majlis Islam Sarawak
- Penyampai Rancangan Mimbar Agama (Radio Sarawak FM)
- Penolong Pendaftar Nikah (Jurunikah) Bahagian Kuching
- AJK Melihat Anak Bulan (Rukyah Hilal) Negeri Sarawak
- AJK Penulisan Teks Khutbah, Majlis Islam Sarawak
- AJK Pembinaan Masjid Darul Furqan Taman Malihah, Matang, Kuching
- Sahabat Gerah, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)
- Pegawai Khas kepada Mufti Negeri Sarawak
- Ahli Majlis Bersama Jabatan (MBJ), Jabatan Mufti Negeri Sarawak
- Pegawai Integriti, Jabatan Mufti Negeri Sarawak

WEBINAR PENDIDIKAN TINGGI ISLAM SARAWAK

17 November 2020 – Ikmas dengan kerjasama UNIMAS telah menganjurkan Webinar Pendidikan Tinggi Islam Sarawak yang julung-julung kali diadakan. Webinar yang diadakan selama satu hari ini melibatkan dua program iaitu bermula dengan pembentangan kumpulan bagi peserta kursus Sijil Eksekutif Pengajaran dan Pembelajaran, dan seterusnya, Wacana Pendidikan Tinggi Islam Sarawak bertajuk “Pendidikan Tinggi Islam Sarawak: Cabaran dan Masa Depan”. Sebanyak 7 kumpulan telah membentangkan kertas kerja masing-masing bagi kursus anjuran Ikmas dan UNIMAS ini yang berlangsung selama 6 bulan yang terdiri daripada 8 buah modul bagi kursus tersebut.

Webinar diteruskan seusai berakhirnya pembentangan kumpulan dengan Wacana Pendidikan Tinggi Islam Sarawak yang mengetengahkan 3 orang ahli panel yang tidak asing lagi di bidang pendidikan dan pengajian Islam iaitu Sahibus Samahah YBhg. Datu Haji Kipli bin Yasin (Mufti Negeri Sarawak), YBhg. Profesor Madya Dr. Abdul Halim bin Hj Busari (Pengarah PITAS, UNIMAS), dan YBrs Dr. Muhammad Yamin bin Ismail (Pengarah Ikmas). Wacana telah dikendalikan oleh Encik Muhammad Fadhli bin Ahmad (Ikmas) selaku moderator.

Antara objektif webinar adalah menyediakan satu platform keilmuan dalam norma baharu bagi konteks keilmuan dan penyebaran dakwah Islam kepada masyarakat awam secara tuntas dan pantas. Seterusnya, meningkatkan kemahiran staf akademik Ikmas yang berwibawa bagi aspek pengajaran dan pembelajaran sesuai dengan pendidikan tinggi di Malaysia.

Sehubungan itu, selari dengan objektif webinar tersebut, Ikmas bukan sahaja melengkapkan prasarana dari sudut infrastruktur fizikal, bahkan turut meningkatkan kemahiran serta membina kepakaran sumber manusia dalam memastikan teknologi dan kurikulumnya berada pada tahap terbaik. Justeru, webinar ini merupakan salah satu wadah dalam konteks pelaksanaan matlamat serta hala tuju Ikmas ke arah membina dan melestarikan kecemerlangan Ikmas di masa hadapan.



SS YBhg
Datu Haji Kipli bin Yasin
Mufti Negeri Sarawak



YBhg Prof Madya Dr
Abdul Halim bin Haji Busari
Pengarah PITAS, UNIMAS



YBrs Dr Muhammad Yamin
bin Ismail
Pengarah Ikmas



SAMBUTAN MAULIDUR RASUL PERINGKAT IKMAS



30 Oktober 2020 – Sambutan Maulidur Rasul peringkat Ikmas yang bertemakan “Ummah Rabbani, Negara Harmoni” telah berlangsung dengan pengisian pelbagai pertandingan seperti pertandingan sepanduk, azan, zikir selawat, dan bercerita.

Kemuncak adalah pertandingan sepanduk yang telah dimeriahkan dengan penglibatan semua pelajar Ikmas yang mewakili setiap semester mempertontonkan seni kreativiti sepanduk masing-masing. Sambutan turut dimeriahkan dengan kehadiran YBrs Dr. Muhammad Yamin bin Ismail, Pengarah Ikmas berserta para pegawai Ikmas yang lain. Majlis penutup dimulai dengan penyampaian tazkirah ringkas oleh penceramah jemputan, penyampaian hadiah bagi pertandingan buat para pemenang dan seterusnya acara berselawat beramai-ramai.

Walaupun negara masih dalam musim pandemik Covid-19, sambutan Maulidur Rasul di Ikmas dijalankan dengan mengikuti panduan Standard Operating Procedure (SOP) yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Semoga sambutan ini dapat menyemarakkan lagi kecintaan umat Islam terhadap junjungan besar Nabi Muhammad SAW hingga ke akhir hayat.

KURSUS TAHSIN DAN QIRAAAT

10 September 2020 – Ikmas telah menganjurkan Kursus Tahsin dan Qiraat sebagai sumbangan bakti Ikmas buat masyarakat. Kursus ini diadakan selama tempoh 3 hari iaitu bermula 8-10 September 2020.

Seramai 37 orang peserta dari pelbagai agensi telah menghadirkan diri untuk mengikuti kursus ini. Antara objektif kursus ialah memberi panduan tentang kelebihan membaca dan mentadabur al-Quran serta hikmahnya, mengenal pasti makhraj huruf, dan kesilapan-kesilapan yang sering dilakukan sewaktu membaca al-Quran.

Diharapkan agar penganjuran kursus ini dapat memberikan suatu suntikan ilmu dan pengalaman yang bermanfaat terhadap para peserta kursus.



Ustaz Haji Morshidi bin Haji Udin



Ustazah Nur Syakura binti Mohamad Musa



Ustaz Abu Zaid bin Jamaluddin



Ustazah Ellyana Nazima binti Razali



Ustaz Mohd Kamal Khairi bin Che Awang

KURSUS PENGURUSAN DAKWAH

9 September 2020 - Ikmas telah menganjurkan Kursus Pengurusan Dakwah yang diadakan selama 3 hari iaitu bermula dari 7 hingga 9 September 2020. Seramai 35 orang peserta dari pelbagai agensi telah mengikuti kursus ini.

Antara objektif kursus ini ialah memberi kefahaman yang lebih mendalam kepada para peserta mengenai kaedah pengurusan dakwah yang strategik, melahirkan pendakwah yang mampu mempraktikkan strategi dan pendekatan dakwah yang berkesan kepada kumpulan sasar secara sistematik, dan mencernakan strategi dakwah yang terkini sesuai dengan perkembangan alaf baru.

Antara penceramah yang terlibat dalam kursus ini ialah Ustazah Farah Wahidah binti Pilep (Pensyarah Ikmas), Ustazah Ainul Nadzifah binti Mohd Ali (Pensyarah Ikmas), Ustaz Muhd Azri Izat bin Rasidi (Guru Agama SMK Hajjah Laila Taib), Ustaz Wan Muhd Mujahid bin Wan Alwi (Penolong Pegawai Ehwal Islam, PITAS, UNIMAS), dan Ustaz Shuhaimi bin Supandi (Pensyarah Ikmas).

Semoga penganjuran kursus ini dapat memberikan pendedahan ilmu dan kemahiran baru dan praktikal buat para peserta kursus.



Ustazah Ainul Nadzifah
binti Mohd Ali



Ustazah Farah Wahidah
binti Pilep



Ustaz Muhd Azri Izat bin
Rasidi



Ustaz Wan Muhd Mujahid
bin Wan Alwi



KURSUS SIJIL PROFESSIONALISME IMAM NEGERI SARAWAK SIRI 2

8 September 2020 – Ikmas sekali lagi menerima 9 orang imam dari seluruh negeri Sarawak bagi mengikuti Program Sijil Profesionalisme Imam Siri 2. Program ini merupakan anjuran kerjasama Ikmas dan Jabatan Agama Islam Sarawak (JAIS) sebagai nilai tambah untuk memperkasakan kewibawaan para imam sebagai tulang belakang dalam memartabatkan syiar Islam.

Para peserta telah dikehendaki mengikuti semua modul yang dirancang dan dijangka akan tamat pada bulan November 2020. Semoga segala perancangan dan perjalanan program ini dipermudahkan serta tercapai objektif dan matlamatnya.





HARI KEUSAHAWANAN IKMAS MERIAH

1 Oktober 2020 - Hari Keusahawanan Ikmas telah dianjurkan bertempat di Lobi Ikmas Kampus 1. Cetusan idea daripada Pengarah Ikmas ini telah disambut baik dalam kalangan pelajar. Sebanyak 9 buah booth keusahawanan yang terdiri daripada setiap seksyen bagi program Diploma Dakwah Islamiyyah dan Diploma Tahfiz al-Quran.

Program bermula seawal jam 8 pagi. Pelbagai jenis jualan yang terdapat pada setiap booth seperti juadah makan minum, pakaian dan aksesori.

Majlis kemuncak adalah pada jam 12 tengah hari yang menyaksikan perasmian oleh Pengarah Ikmas melalui acara potong reben. Semoga program sebegini dapat diteruskan di masa akan datang bagi mewujudkan budaya keusahawanan dalam kalangan pelajar.



JABATAN PENERBITAN IKMAS CUNGKIL BAKAT PELAJAR

6 Oktober 2020 – Jabatan Penerbitan telah mengadakan program mencungkil bakat pelajar melalui pertandingan *Treasure Hunt Iqra'*, Pertandingan Penulisan Puisi yang bertemakan dakwah, dan Pertandingan Deklamasi Sajak dengan kolaborasi Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni dalam Minggu Aluan Pelajar Ikmas 2020 (MALPI).

Pertandingan Deklamasi Sajak telah disertai seramai 8 orang pelajar. Pemenang tempat pertama bagi pertandingan Deklamasi Sajak dimenangi oleh Muhammad Nuraiman Haqim bin Wasi, diikuti oleh Mohamad Hijri bin Md. Nazir di tempat kedua dan Abang Mohd Sharifuddin bin Reduan di tempat ketiga.

Bagi program *Treasure Hunt Iqra'* pula dilaksanakan dengan penyertaan semua pelajar semester 1 secara berkumpulan bagi pendedahan kepada lokasi Ikmas melalui permainan explorace teka-teki pantun yang disediakan oleh urus setia.

Selain itu, penyertaan daripada pelajar amat memberangsangkan dalam Pertandingan Penulisan Puisi. Kebanyakan hasil penulisan yang dihasilkan memaparkan bakat-bakat yang boleh digilap bagi membolehkan para pelajar terus berminat dalam menghasilkan karya-karya penulisan kreatif terutamanya bagi penghasilan puisi yang bertemakan dakwah.

Program-program seperti ini diharap dapat diteruskan bagi memberi pendedahan kepada warga Ikmas untuk terus berkarya sekaligus mempraktikkan dakwah bil kitabah. Majlis penutupan telah disempurnakan oleh Ustazah Kartini binti Haji Ahmad, Timbalan Pengarah Ikmas.





KURSUS DAKWAH MEDIA SOSIAL



1 Oktober 2020 – Ikmas telah berjaya menganjurkan Kursus Dakwah Media Sosial selama 2 hari iaitu bermula 30 September - 1 Oktober 2020 dengan jayanya. Seramai 18 orang peserta yang terdiri daripada pegawai, pensyarah dan kakitangan Ikmas telah menghadiri kursus ini. Antara objektif kursus ini ialah memberi kefahaman yang lebih mendalam kepada para peserta mengenai dakwah media sosial dan melahirkan dai'e yang mampu mempraktikkan dan mengaplikasikan teknologi maklumat bagi keperluan penambahbaikan kandungan media sosial rasmi Ikmas.

Bengkel ini juga bertujuan melatih dan memperkasa kemahiran kakitangan Ikmas dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi agar dapat menyumbang kepada kemajuan dakwah media sosial setempat. Kursus telah dikendalikan oleh Tuan Syahrul Nizam bin Junaini, pensyarah Fakulti Teknologi Maklumat, UNIMAS.

Semoga penganjuran kursus ini dapat memberikan ilmu pengetahuan dan kemahiran yang terkini demi memantapkan lagi pengisian dan kandungan dakwah media sosial Ikmas.



KURSUS

PENGURUSAN MASJID (KEMAHIRAN ASAS IMAM BILAL)

8 Oktober 2020 - Ikmas telah mengadakan Kursus Kemahiran Asas Imam yang merupakan satu tuntutan dalam Islam bagi pengimaran masjid. Firman Allah dalam surah at-Tawbah ayat 18 yang bermaksud: "Sesungguhnya yang memakmurkan masjid-masjid Allah ialah mereka yang beriman dengan Allah dan hari Akhirat dan mendirikan solat dan mengerjakan zakat dan mereka tidak takut selain Allah, moga-moga mereka tergolong dalam golongan orang yang mendapat petunjuk."

Kursus selama 3 hari yang bermula pada 6 hingga 8 Oktober 2020 telah dihadiri oleh



seramai 45 peserta dari kakitangan Hospital Umum Sarawak. Majlis penangguhan telah disempurnakan oleh YBhg. Dr. Muhammad Yamin bin Ismail, Pengarah Ikmas.

Semoga penganjuran kursus ini dapat memberikan suntikan ilmu dan pemahaman yang mantap terhadap pengimaran masjid di kalangan para peserta kursus.



LAWATAN PENANDA ARAS EKSA IKMAS KE INTAN KAMPUS WILAYAH SARAWAK

11 September 2020 - Jawatankuasa EKSA Ikmas telah mengadakan lawatan ke INTAN kampus wilayah Sarawak sebagai pendedahan dan pemahaman mengenai EKSA kepada jawatankuasa Ikmas.

Lawatan diketuai oleh YBhg. Dr. Muhammad Yamin bin Ismail, Pengarah Ikmas bersama jawatankuasa EKSA seramai 23 orang. Kehadiran rombongan disambut oleh YBhg. Tuan Mathias Charles Buas, Timbalan Pendaftar INTAN Sarawak serta kakitangan. Sesi taklimat EKSA telah disampaikan oleh Puan Kolly Lee Huan Jen, Perunding Latihan (Unit Transformasi Pengurusan) INTAN Sarawak. Seterusnya diadakan sesi soal jawab dari kedua-dua pihak dan lawatan di sekitar INTAN Sarawak.

Mengakhiri sesi lawatan adalah penyampaian cenderamata kenang-kenangan dari kedua-dua belah pihak. Semoga lawatan ke INTAN Wilayah Sarawak ini memberi inspirasi dan semangat buat seluruh warga Ikmas dalam melaksanakan EKSA dengan jayanya.



KUNJUNGAN HORMAT YAPEIM KE IKMAS

15 Oktober 2020 - Bagi memperkuatkukuhkan hubungan antara agensi Islam, Ikmas telah menyantuni kunjungan rasmi dari Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM) Negeri Sarawak. Kunjungan rasmi yang diadakan bertempat di Bilik Mesyuarat Ikmas Kampus 1 dihadiri oleh YBrs. Dr. Muhammad Yamin bin Ismail, Pengarah Ikmas, dan Encik Fadlie Bin Zamuri, Pengurus Negeri Pusat Pentadbiran YaPEIM Sarawak.

Objektif kunjungan ini bertujuan untuk menjalinkan kerjasama antara YaPEIM dan Ikmas berkaitan kebajikan warga Ikmas dalam bentuk sumbangan Musaadah Covid-19 yang dilancarkan oleh YB Menteri Agama sepanjang tempoh PKP berlangsung.

Turut hadir bersama dalam kunjungan ini ialah Ustaz Muhamad Fadhli bin Ahmat, Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni Ikmas, Puan Siti Aminah binti Dolah@Abdullah, Ketua Jabatan Komuniti, Pusat Pentadbiran YaPEIM Negeri Sarawak, Puan Noor Afida binti Jamee, Jabatan Komuniti YaPEIM Negeri Sarawak, dan Puan Nor Shayadha binti Abdul Samad, Jabatan Komuniti YaPEIM Negeri Sarawak.



LAWATAN KE TAMAN KEKAL PENGETAHUAN MAKANAN RAMPANGI JABATAN PERTANIAN SARAWAK



8 Disember 2020 – Ikmas telah menganjurkan lawatan ke Taman Kekal Pengeluaran Makanan Rampangi Jabatan Pertanian Sarawak. Rombongan lawatan telah diketuai oleh YBrs Dr. Muhammad Yamin bin Ismail, Pengarah Ikmas. Kedatangan rombongan telah disambut oleh YBrs En. Ngab Dollah bin Salam, Timbalan Pengarah (Pembangunan), Jabatan Pertanian Sarawak.

Sesi taklimat dan lawatan telah diselenggara oleh pihak Jabatan Pertanian Sarawak. Semoga lawatan ini dapat memberi percambahan idea dalam menjadikan bidang pertanian sebagai modul baharu kemahiran di Ikmas.

JOM SIHAT@SUKMAS

PERTANDINGAN SUKAN IKMAS (SUKMAS)

19 Ogos 2020 – Sukan Ikmas kembali lagi beraksi di mana pertandingan kali ini yang diadakan adalah sukan pingpong, boling dan badminton.

Kedudukan terkini SUKMAS telah diungguli oleh pasukan Hanafi, diikuti pasukan Syafie, manakala tempat ketiga dan keempat adalah pasukan Maliki dan Hambali. SUKMAS kini hanya berbaki empat sukan lagi sebelum menutup tirai edisi 2020.

Semoga SUKMAS akan lebih mengeratkan lagi silaturrahim seluruh warga Ikmas di samping menyihatkan badan dan mencergaskan minda dalam menyantuni tugas yang diamanahkan.

PERTANDINGAN PINGPONG



PERLAWANAN PERSAHABATAN BOLA SEPAK IKMAS UNITED VS HORNBILL FC.

18 Oktober 2020 - Bahagian Sukan dan Domestik Ikmas telah mengadakan perlawanan persahabatan bola sepak Ikmas United dengan pasukan Hornbill FC bertempat di padang Kampung Gita, Kuching.

Dalam pertemuan tersebut, sebanyak 4 gol telah dijaringkan oleh kedua-dua pasukan di mana Ikmas United menang dengan keputusan 3-1. Gol-gol Ikmas United telah dijaringkan oleh Ustaz Dahlan bin Daut dan Encik Muhammad Syafiq Afiq bin Saini.



PERTANDINGAN BOLING



PERTANDINGAN BADMINTON



يُعْتَدَانَ مَعْبُونٌ فِيهِمَا كَثِيرٌ مِنْ النَّاسِ
الصِّحَّةُ وَالْفَرَاغُ

“Dua kenikmatan yang sering dilupakan oleh kebanyakan manusia adalah kesihatan dan waktu lapang.”

KEMBARA IKMAS

KEMBARA IKMAS DI BENGOH DAM, PADAWAN, SARAWAK

26 September 2020 - Kembara Ikmas kali ini bertempat di Banjaran Bengoh yang terletak di Padawan, kira-kira 50 km dari bandar Kuching. Para peserta telah dipandu oleh seorang jurupandu menaiki bot merentasi Tasik Empangan Bengoh, merentasi hutan, mendaki bukit yang semuanya memakan masa lebih 4 jam pergi dan balik.

Kembara ini sangat berbaloi kerana di penghujung destinasi terdapat 4 air terjun yang sangat menarik seolah-olah berada di dalam kawasan "Jurassic World". Inilah kecantikan bumi Sarawak yang perlu dipromosikan kepada masyarakat luar. Kembara kemudiannya diteruskan dengan mendaki bukit menuju ke Kampung Sting, sebuah kampung masyarakat Bidayuh berusia 300 tahun yang terletak di kawasan empangan ini. Kampung ini terkenal dengan julukan kampung di atas awan. Dari atas kampung, para peserta dapat melihat keindahan keseluruhan kawasan empangan Bengoh.

Kembara ini sungguh mengujakan berserta kenangan yang tidak akan dapat dilupakan. Peserta turut dapat menguji stamina dan kemampuan diri dalam menghadapi cabaran alam. Semoga kembara ini menjadi wadah dalam mengeratkan silaturahim antara warga Ikmas dengan masyarakat tempatan.



KEMBARA IKMAS KE GAREG WATERFALL KAMPUNG KIDING



8 November 2020 - Kembara Ikmas kini bertempat di Gareg Waterfall Kampung Kiding, Ulu Padawan, Kuching. Perjalanan menuju ke air terjun Gareg ini dimulakan dengan pendakian melalui Kampung Kiding, sebuah kampung yang terletak di kawasan tanah tinggi hulu Padawan. Kampung Kiding pada masa ini telah dapat diakses menggunakan jalan raya, namun keadaan jalan yang kurang memuaskan serta kecerunan yang agak tinggi sedikit merumitkan kenderaan biasa untuk melaluinya.

Para peserta dipandu dengan menggunakan khidmat petunjuk daripada penduduk tempatan kerana terdapat banyak simpang yang mengelirukan. Menariknya semasa perjalanan, terdapat beberapa jambatan buluh yang agak tinggi untuk menyeberangi anak-anak sungai. Peserta perlu melalui lereng yang curam berkelok-kelok, menyeberangi titian buluh dan kayu, dengan keringat bercucuran deras. Disebabkan air terjun ini sangat jarang dikunjungi, perancangan dan pengesahan yang lebih awal perlu dibuat dengan penduduk kampung 2 atau 3 hari sebelum perjalanan.

Desiran dan keindahan landskap air terjun yang memukau telah memberikan satu pengalaman yang menakjubkan. Semoga silaturahim antara warga Ikmas dan masyarakat tempatan dapat dipereratkan dengan penganjuran kembara ini.



Bengkel Penyediaan Buku Garis
Panduan EKSA Ikmas



Operasi Nyah Kuman oleh Jabatan
Bomba di Ikmas



Bengkel Unit Komunikasi Korporat
(Team Siber) Ikmas



Sumbangan Musaadah Khas Siswa
Ikmas bersama YaPEIM



Pemeriksaan Tahunan Aset Kerajaan
oleh Jakim Sarawak



Perbincangan Modul Adab Ikmas bersama
Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak



Pengisian Soal Selidik Banci Jabatan
Perangkaan Malaysia Negeri Sarawak



Naziran Luar Pengajaran dan
Pembelajaran Ikmas



Ikmas Komited ke Arah Pensijilan ISO 9001: 2015



Sesi Perkongsian Kurikulum Maahad Tahfiz dan Penggubalan Kurikulum Bersepadu Tahfiz Sarawak



Jalinan Kerjasama Ikmas dengan Jabatan Pembangunan Kemahiran



Kursus Kefahaman Islam Ikmas



Solat Hajat Hindari Penularan Wabak Covid-19 Peringkat Ikmas



Majlis Perhimpunan Bulanan Ikmas



Lawatan ke Akuakultur di Pusat Perikanan Darat Semenggok, Jabatan Pertanian Sarawak



Kunjung Hormat ke Jabatan Pertanian Negeri Sarawak



**USTAZAH SITI SYARAH BINTI MOHD TAWIL
PENSYARAH IKMAS**

COVID-19 TINJAUAN DARI PERSPEKTIF ISLAM

Pandemik COVID-19 telah banyak mengubah landskap kehidupan manusia pada hari ini bukan sahaja di Malaysia tidak terkecuali global. Situasi ini memberi impak kepada seluruh masyarakat dunia bukan sahaja dari sudut kesihatan tetapi juga dari sudut ekonomi negara, sosialisasi, pekerjaan dan pendidikan.

Dari aspek agama, terdapat pengamalan ibadah yang melibatkan orang ramai terpaksa berubah mengikut keperluan dan keadaan semasa yang berlaku. Islam sendiri menyuruh umatnya berusaha mengawal sebarang wabak atau penyakit dari terus merebak. Bagi memenuhi tuntutan maqasid syariah antaranya adalah menjaga nyawa dari kebinasaan, Islam melarang umatnya daripada memudaratkan diri sendiri dan orang lain, seperti mana Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

“Apabila kamu mendengar berlakunya wabak taun di suatu negeri, maka janganlah kamu memasukinya. Apabila berlaku dalam negeri yang kamu berada di dalamnya, maka jangan kamu keluar.” (HR Bukhari dan Muslim)

Maka menjadi tanggungjawab kita sebagai seorang muslim menjaga dan menyelamatkan keadaan dengan kemampuan yang kita miliki. Dalam konteks COVID-19, kita digalakkan untuk sentiasa berhati-hati dan menjaga kesihatan diri dengan mengikuti segala bentuk panduan dari pihak berautoriti seperti mengikut arahan pihak berkuasa dari semasa ke semasa, menjaga jarak fizikal, memakai pelitup muka dan menggunakan hand sanitizer. Sebarang bentuk nasihat dan saranan oleh pihak KKM khususnya perlu diberi sokongan penuh dan dipatuhi oleh masyarakat agar penularan virus berjangkit ini dapat dibendung bersama.

Pada masa sekarang, boleh dikatakan dari segi kesihatan termasuk dalam tahap daruriyyat. Ini disebabkan kesan apabila bercampur gaul dan berada berdekatan dengan suspek positif COVID-19. Dalam keadaan ini kaedah fiqh iaitu “لا ضرر ولا ضرار” (tidak boleh memberi mudarat dan tidak boleh membala mudarat dengan kemudaratannya). Asas inilah yang dikemukakan oleh pihak yang berwajib dan disokong oleh pendapat agamawan khususnya dari badan-badan yang berautoriti di Malaysia.

Dalam isu solat jumaat, terdapat pandangan daripada beberapa Badan Fatwa Berautoriti di peringkat antarabangsa antaranya Majlis Fatwa Syar'i UAE menjelaskan bahawa haram hukumnya bagi sesiapa yang dijangkiti atau disyaki virus untuk berada di tempat umum atau pergi ke masjid untuk menunaikan solat Jumaat, berjemaah atau solat hari raya. Manakala menurut Kementerian Waqaf dan Hal Ehwal Islam Kuwait menyatakan bahawa solat dan khutbah Jumaat hendaklah ditangguhkan disebabkan wabak COVID-19 yang melanda. Perhimpunan beramai-ramai akan membawa risiko jangkitan kepada lebih ramai orang. Oleh itu, orang ramai dihalang daripada memasuki masjid dan melindungi diri daripada dijangkiti wabak.

Dalam isu ini, keputusan yang dibuat adalah berdasarkan maslahat yang dilihat jauh ke hadapan. Di Malaysia, situasi yang sama juga dilakukan yang mana sebarang aktiviti keagamaan atau ibadah di masjid ditangguhkan buat sementara waktu. Walaubagaimanapun melihat kepada situasi setempat dan jumlah kes orang ramai masih dibenarkan ke masjid mengikut kapasiti ruang dan SOP yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa.

Justeru itu, bagi membendung wabak berjangkit ini semua pihak perlu bekerjasama memutuskan rantaian COVID-19. Orang ramai diharapkan dapat bersama-sama mengambil langkah yang proaktif dalam menangani isu wabak COVID-19 dengan cara mengikut arahan dari pihak berkuasa dan sentiasa mengambil langkah berjaga-jaga seperti mana yang telah disarankan. Arahan yang dipatuhi menunjukkan tanda sokongan kita kepada barisan hadapan yang bertungkus lumus merawat pesakit yang semakin meningkat saban hari. Oleh itu, sebagai seorang muslim harus difahami bahawa COVID-19 bukan sekadar wabak yang mestilah dijauhi dan dihindari oleh setiap individu, bahkan ia juga suatu bentuk ujian daripada Allah SWT untuk menguji hamba-Nya.

RUJUKAN

Dr. Zulkifli al-Bakri (2020). Soal Jawab Fiqh COVID-19. Putrajaya. Pejabat Menteri di Jabatan



USTAZAH NURUL SABARIAH BINTI SAINI PENSYARAH IKMAS

إن أخلاق الرسول ﷺ قدوة عند المسلمين

إن انعكاس رسول الله هو أحد الأشياء المهمة والظاهرة في حياتنا اليومية. ينبغي أن تُستخدم الطبيعة النبيلة لرسول الله كمثال في التأكيد من أن حياتنا مبنية على سنته لأن أخلاق رسول الله هي من أخلاق القرآن كما رواه مُسلم في جملة حديثٍ طويلٍ، وعن عائشة رضي الله عنها قالت: "كان خلق نبِي الله ﷺ القرآن". (رواه مُسلم)

أخلاق رسول الله ﷺ هي القرآن ، فأنما انتشرت على مر العصور. على رغم أنه قد توفي منذ زمنٍ طويٍّ ولكن الكثيرين ما زالوا ينجذبون إلى الإسلام لأنهم مفتونون بأخلاقه ومنها يحب رسول الله ﷺ الأيتام حباً جماً، وهو لطيف مع المستين والشيوخ، ويحب حيرانه والفقراة حباً تاماً حتى مستعد بلجوعٍ فإنه شارك التمر مع أن هذا هو كل ما يتمنى إليه.

ليس من السهل أن الاقتداء والاتباع بأخلاق النبي محمد ﷺ، لكننا نحتاج إلى ممارسة طبيعة النبي الله ﷺ الجديرة بالثناء و موقفه وفقاً حسب بالقدرات كل منهم. والأكثر من ذلك ، أن الحياة مليئة بأشكال وثقافات مختلفة ، والأخلاق النبيلة للنبي ﷺ إذا مارستها ستكون محببة وتفيده جميع المخلوقات.

حتى يصرح الكاتب الغربيون جورج برنارد شو (George Bernard Shaw) أن رسول الله ﷺ يتمتع بشخصية عظيمة ومنقذ للإنسانية. "إنه وائق جداً إذا كان رسول الله لا يزال على قيد الحياة ورائد في هذا العالم الحديث ، فهو قادر على يتغلب على المشاكل جميعها ويجلب السلام والسعادة التي يحتاجها العالم".

كما قال الله تعالى في سورة القلم الآية ٤:

وَإِنَّكَ لَعَلَىٰ خُلُقٍ عَظِيمٍ

Meaning: And verily, you (O Muhammad SAW) are on an exalted standard of character.

مسلحاً بالأخلاق النبيلة كما أوضح رسول الله ﷺ يمكننا أن نخلع مشاكل الحياة جميعها بشكل جيد و شاملًا. في حقيقة ، أن السبب الذي يجعل بعض من الأشخاص الذين يعتقدون به من المستحيل السير على خطى رسول الله غير المقبول.

إذا ينتوّق خير من أخلاق رسول الله ﷺ كلها ، فيجب أن يكونها غوذجاً للأمة اليوم لإظهار أفضل نهج الدعوة. أن قال الكاتب والخطيب هادي فياض: "نحن نتحدث كثيراً عن التمثيل ونخب أن تعاقب بدلاً تعلم و بينما أن الدعوة محبة". وعلم رسول الله ﷺ من ضروري نلطف بين الناس بكل لطف و نخازم في معاملة بينهم حسب أوقات و أحوال. إضافة على ذلك، قال هادي فياض إن الأخلاق هي النبض الأساسي في التنمية البشرية ومهما لأنما تضوّع السلوك البشري وتعكس الإيمان وتحدد النجاح الحقيقي والظاهرة للحضارة. وأيضاً، قاله "أن الاعتبارات في التنمية المادية ليست كافية لأنها قد ثبتت أن انحراف الحضارات المتعددة بسبب على الضرر المعنوي".

في الختام، أن كمال رسول الله ﷺ لا مثيل له ولكننا لا يمكننا أن نجعله الذريعة ألا نكون أفضل المؤمنين. إن الله لا ينظر إلى نتائج شيء ما بل ينظرنا إلى المجهد المبذول لتحقيقها ومن أهمها هي أحتجاه في الهجرة إلى اتجاه أفضل.

Jom Masuk IKMAS JAKIM

SYARAT KELAYAKAN MASUK DIPLOMA DAKWAH ISLAMIYYAH

1. Warganegara Malaysia berumur 17 tahun ke atas dan sihat mental dan fizikal.
2. Bukan warganegara (Antarabangsa) yang mempunyai kelayakan yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia.
3. LULUS Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dengan LIMA (5) kepujian termasuk Bahasa Melayu dan mana-mana satu mata pelajaran Pengajian Islam seperti Pendidikan Islam/ Tasawwur Islam/ Pengajian Al-Quran dan As-Sunnah/ Pengajian Syariah Islamiyyah atau Bahasa Arab.
4. LULUS Bahasa Inggeris dan Matematik.
5. Mempunyai minat belajar sedia dibimbing serta mematuhi peraturan dan arahan.
6. LULUS ujian temuduga.

SYARAT KELAYAKAN MASUK DIPLOMA TAHFIZ AL-QURAN DAN AL-QIRAAAT

1. Berumur tidak melebihi 21 tahun dan belum berkahwin.
 2. Lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan syarat minimum Gred 'C' dalam mata pelajaran berikut:
 - i. Bahasa Melayu
 - ii. Bahasa Arab
 - iii. Pendidikan Al-Quran dan As-Sunnah / Pendidikan Syariah Islamiah
 - iv. LULUS Bahasa Inggeris, dan
 - v. LULUS temuduga
- Atau
- vi. Kelulusan yang diiktiraf dan setaraf dengan SPM (Calon Luar Negara)

إِنْسَانُ الْكَوَافِرِ إِذَا أَطْمَمْتَهُ سَرَاوِقَ

Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

Pet 2867, Jalan Metang

93050 Kuching, Sarawak

Tel: 082 - 843 477, 475

Faks: 082 - 843 440, 439

Email: ikmas@islam.gov.my